



Siaran Akhbar

APEC FINANCIAL REGULATORS TRAINING INITIATIVE (FRTI) Seminar Serantau mengenai Peraturan dan Pengawalseliaan Bursa Saham

The Kiulap Plaza Hotel, Bandar Seri Begawan

1. Autoriti Monetari Negara Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Asia-Pacific Economic Cooperation Financial Regulators Training Initiative (APEC FRTI) dan Asian Development Bank (ADB), telah menganjurkan satu seminar serantau mengenai Peraturan dan Pengawalseliaan Bursa Saham baru-baru ini di Kiulap Plaza Hotel, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
2. Majlis Pelancaran seminar ini telah diadakan pada Hari Isnin, 3 Safar 1439 bersamaan dengan 23 Oktober 2017, di mana Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pemangku Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori), AMBD, telah memberi ucapan alu-aluan. Ini diikuti oleh ucapan daripada Mr Noritaka Akamatsu, Penasihat Kanan, ADB.
3. Yang Mulia Hajah Rashidah, dalam ucapan alu-aluannya, telah menjelaskan bahawa objektif utama bagi pengawalseliaan kewangan adalah untuk memastikan fungsi sistem kewangan yang berkesan dan mengekalkan kestabilan kewangan. Beliau juga mengakui kepentingan bursa saham sebagai salah satu komponen yang paling dinamik dan teratur dalam sistem kewangan dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Yang Mulia Hajah Rashidah juga menggesa pengawalselia sekuriti untuk menjadi lebih proaktif dalam pengawasan dan pengawalseliaan pasaran bagi memastikan kestabilan pasaran dan mengurangkan risiko sistemik.
4. Seminar ini merangkumi beberapa ceramah yang dikendalikan oleh penceramah dan pakar berpengalaman dalam bidang pasaran modal dari ADB, *Australia Securities and Investments Commission*, Bursa Malaysia Berhad, *Nasdaq, Hong Kong Exchanges and Clearing Limited* dan *U.S. Securities and Exchange Commission*.
5. Seminar tersebut membincangkan evolusi bursa saham dan impaknya terhadap bidang utama peraturan-peraturan. Seminar ini juga menjelaskan peranan dan tanggungjawab pengawalselia dalam memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan operasi pasaran dalam menguruskan sebarang ancaman keselamatan siber dan pengurangan krisis.
6. Seminar yang telah berakhir pada hari Jumaat 7 Safar 1439 bersamaan dengan 27 Oktober 2017 ini, bertujuan untuk membina kapasiti peserta dalam mempromosikan persekitaran regulatori yang baik bagi menyokong pembangunan pasaran modal, khususnya bursa saham. Seminar ini

juga bertujuan untuk meningkatkan pemahaman para peserta dalam bidang pengawasan dan pengawalseliaan bursa saham.

7. Seminar berkenaan telah dihadiri oleh 51 peserta yang terdiri dari para pengawalselia sekuriti, pengawalselia pasaran modal dan bursa saham.
8. Menteri-Menteri Kewangan APEC telah meyokong penubuhan APEC FRTI ini pada bulan Mei 1998 untuk mengukuhkan pengawasan dan pengawalseliaan kewangan di rantau ini dengan meningkatkan kapasiti analitik dan teknikal para pengawalselia bank dan sekuriti. APEC FRTI juga menyediakan struktur latihan yang mampan, cekap dan efektif untuk kakitangan dan agensi pengawalseliaan kewangan, bursa-bursa saham dan derivatif. Untuk melaksanakan APEC FRTI, sekretariat yang bertanggungjawab bagi menyelaras reka bentuk program latihan, menyediakan sumber dan melaksanakan aktiviti latihan telah ditubuhkan di ibu pejabat ADB di Manila, Filipina.
9. ADB adalah sebuah bank pembangunan serantau yang ditubuhkan pada 22 Ogos 1966 dan beribu pejabat di Metro Manila, Filipina, dan bertujuan untuk memudahkan pembangunan ekonomi negara-negara di Asia. Penubuhan ADB adalah juga bermatlamat untuk bebas dari kemiskinan di Asia dan Pasifik. Misinya adalah untuk membantu pembangunan negara-negara anggota dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat mereka

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date : 7 Safar 1439 / 27 October 2017

Ref : AMBD/COMMS/3